



Pegawai media Olexii Mischenko menunjukkan bangunan pentadbiran bandar di Bashtanka, wilayah Mykolaiv yang musnah susulan serangan berterusan Russia ke atas Ukraine. (Foto REUTERS)

Berita Harian (11/6/2022) Page 34

4.8 juta rakyat Ukraine berdaftar sebagai pelarian di Eropah

Amman: Hampir lima juta rakyat Ukraine didaftarkan sebagai pelarian di seluruh Eropah sejak Russia melancarkan operasi ketenteraannya kurang empat bulan lalu, kata Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) pada Khamis.

“Perang Ukraine menyebabkan satu daripada krisis pelarian terbesar di dunia,” lapor Agensi Berita Jordan (Petra) memetik UNHCR.

Kemas kini portal data agensi mengenai situasi Ukraine menunjukkan bahawa sejumlah 4,816,923 warga Ukraine didaf-

tarkan sebagai pelarian di 44 negara Eropah sejak 24 Februari.

Lebih ramai yang akan meninggalkan negara itu, dengan data UNHCR menunjukkan rekod lintas sempadan keluar Ukraine mencecah lebih 7.3 juta orang pada 7 Jun.

Sebanyak 2.3 juta lagi pergerakan kembali ke negara itu didaftarkan, menurut data itu.

Pegawai PBB berkata, beberapa orang berulang-alik atas pelbagai sebab, termasuk melawat keluarga, memeriksa harta benda mereka, membantu orang lain melarikan diri, atau kembali ke pekerjaan mereka. BERNAMA